

AL-ṢAHĀBAH: KONTRADIKSI ANTARA NAS-NAS ISLAM DENGAN
RIWAYAT SEJARAH

Oleh

MOHD. ASRI BIN ZAINUL ABIDIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1997

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENGHARGAAN

Segala puji dan puja hanya bagi Allah Yang telah menganugerahkan kepada hambaNya yang faqir ini ilmu pengetahuan. Dengan segala rasa rendah diri saya mengakui bahawa kajian ini tidak akan dapat dilakukan sama sekali tanpa bantuan dan pertolongan dari Allah 'Azza Wa Jalla. UntukNya kesyukuran yang tidak terhingga di atas segala kurnia meskipun nikmat kurniaanNya itu tidak dapat dibandingkan dengan segala lafaz yang ada. Hanya bagiNya pujian apa yang layak dengan keagunganNya.

Seterusnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Wan Salim bin Md. Noor yang sudi menjadi penyelia saya sehingga tesis ini siap. Jasa dan budinya akan tetap saya kenang.

Begitu juga ucapan terima kasih saya kepada Universiti Sains Malaysia khususnya Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Pusat Pengajian Siswazah yang telah memberi peluang untuk saya membuat kajian ini.

Tidak lupa juga untuk isteri saya yang banyak membantu dengan sokongan tenaga dan moral. Keikhlasannya untuk membantu saya menaip dan menyemak amat saya hargai.

Di samping itu, jasa ibu dan ayah tidak dapat sama sekali untuk saya balas. Dengan berbekalkan do'a dan semangat mereka, telah membantu saya menjalankan kajian ini.

Demikian juga, kepada sahabah-sahabah yang banyak memberi sokongan moral dan meterial bagi menjayakan segala usaha saya.

Untuk mereka semua, saya do'akan agar Allah memberikan kebaikan yang tidak putus di dunia dan di akhirat kelak.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
JADUAL TARANSLITERASI	x
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1. Pengenalan	1
1.2. Permasalahan	3
1.3. Signifikan Masalah	5
1.4. Objektif Kajian	7
1.5. Ruang Lingkup Kajian	8
1.6. Kaedah Kajian	10
BAB 2 : MENGENALI AL-SAHABAH DAN KEDUDUKAN MEREKA DI SISI ALLAH DAN RASUL	
1. TA'RIF AL-SAHABAH	
1.1. Pengenalan	12

2.1.2. Dari Segi Bahasa	12
2.1.3 Dari Segi Istilah	13
2.1.4 Alasan Pemilihan Ta'rif	15
2.1.5 Susunan Para Sahabah	19
2.1.6 Kesimpulan	21
2.2. AL-SAHABAH MENURUT AL-QURAN	
2.2.1 Pengenalan	22
2.2.2 Para Sahabah Berkasih-sayang Sesama Mukmin	22
2.2.3 Para Sahabah Dijamin Syurga	24
2.2.4 Para Sahabah Diredhai Allah	26
2.2.5 Umat Islam Dituntut Mendo`akan Keampunan Untuk Muhajirin Dan Ansar	30
2.2.6 Kesimpulan	33
2.3. AL-SAHABAH MENURUT AL-SUNNAH	
2.3.1 Pengenalan	35
2.3.2 Ganjaran Pahala Untuk Para Sahabah	35
2.3.3 Para Sahabah Penyelamat Umat	36
2.3.4 Umat Senantiasa Dalam Kebaikan Selagi Para Sahabah Masih Bersama Mereka	38
2.3.5 Para Sahabah Adalah Generasi Terbaik	40
2.3.6 Rasulullah Mendo`akan Keampunan Untuk Muhajirin Dan Ansar	42
2.3.7 Kecintaan Kepada Ansar Adalah Tuntutan Iman	43

2.3.8 Keampunan Allah Untuk Ahli Bai'ah al-Ridwan	44
2.3.9 Kelebihan Anggota Perang Badar	45
2.3.10 Kesimpulan	49

BAB 3 : PERTENTANGAN WATAK ANTARA ISLAM DAN RIWAYAT

SEJARAH

3.1. AL-SAHABAH MENURUT RIWAYAT SEJARAH	
3.1.1 Pengenalan	51
3.2.2 Tarikh al-Tabariy	51
3.1.3 Contoh 1	53
3.1.4 Ulasan	56
3.1.5 Contoh 2	58
3.1.6 Ulasan	60
3.1.7 Contoh 3	67
3.1.8 Ulasan	70
3.1.9 Contoh 4	74
3.1.10 Ulasan	77
3.1.11 Kesimpulan	80
3.2. PERCANGGAHAN ANTARA ISLAM DAN RIWAYAT SEJARAH: SEBAB DAN PENYELESAIAN	
3.2.1 Pengenalan	82
3.2.2 Disiplin al-Quran	82
3.2.3 Penyelesaian al-Sunnah	84
3.2.4 Bolehkah Kaedah Muhaddithin Dilaksanakan Terhadap Riwayat Sejarah	88
3.2.5 Latarbelakang Para Perawi al-Tabariy	93

3.2.6. Kesimpulan	101
-------------------	-----

BAB 4: PERTEMPURAN ANTARA PARA SAHABAH: HAKIKAT DAN ULASAN

4.1. PEMBUNUHAN SAIYYIDINA `UTHMAN BIN `AFFAN: PERMULAAN

DETIK HITAM DALAM SEJARAH PARA SAHABAH

4.1.1 Pengenalan	106
4.1.2 Hasutan `Abd Allah bin Saba' Sebagai Punca Tercetusnya Fitnah	107
4.1.3 Tindakan `Uthman Dalam Membendung Fitnah	110
4.1.4 Para Pemberontak Datang Ke Madinah	120
4.1.5 Surat Rekaan	123
4.1.6 Munafiqin Memaksa `Uthman Meletak Jawatan	126
4.1.7 Usaha Mempertahankan `Uthman	131
4.1.8 Saiyyidina `Uthman Dibunuh	137
4.1.9 Kesimpulan	139

4.2. BAGAIMANA BOLEH BERLAKUNYA PERTEMPURAN ANTARA PARA SAHABAH

4.2.1 Pengenalan	141
4.2.2 Peringatan Penting	141
4.2.3 Punca Pertelagahan	143
4.2.4 Saiyyidina `Ali Menjadi Khalifah	144
4.2.5 Kesulitan Melaksanakan Hukuman Qisas Terhadap Para Pembunuh `Uthman	146
4.2.6 Para Sahabah Berbeza Pendapat	148
4.2.7 Peperangan Jamal	160
4.2.8 Pendirian Para Sahabah Yang Terlibat Di Dalam Peperangan Jamal	161
4.2.9 Pendirian Mu`awiyah Dan rakyat Syam	167

4.2.10	Peperangan Siffin Tercetus	170
4.2.11	Hakikat Peristiwa Tahkim	171
4.2.12	Kedudukan Peperangan Siffin Menurut al-Sunnah	172
4.2.13	Keputusan al-Quran	181
4.2.14	Tindakan Mu'awiyah Adalah Ijtihad	182
4.2.15	Ijtihad Menyebelahi 'Ali	183
4.2.16	Kesimpulan	185
4.3.	PENDIRIAN AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH TERHADAP KRISIS ANTARA PARA SAHABAH	
4.3.1	Pengenalan	187
4.3.2	Pendirian Ahl Sunnah Terhadap Perbalahan Sahabah	188
4.3.3	Ahl al-Sunnah Tidak Beri'tiqad Kema'suman Sahabah	193
4.3.4	Menghargai Jasa Para Sahabah	195
4.3.5	Kesan Mencerca Para Sahabah	196
4.3.6	Kesimpulan	197
 BAB 5: PENUTUP		
5.1	Pengenalan	199
5.2	Kesimpulan	199
5.2.1	Kemuliaan Para Sahabah Rasulullah S.A.W. Di Sisi Islam	199
5.2.2	Wujudnya Percanggahan Yang Jelas Antara Islam Dan Sebahagian Riwayat Sejarah	200

5.2.3 Ilmu al-Jarh Wa al-Ta'dil Adalah Penyelesai Kepada Percanggahan Antara Islam Dan Riwayat Sejarah	200
5.2.4 Kemurnian Peribadi Sahabah	201
5.2.5 Pembunuhan Saiyyidina `Uthman Adalah Pembuka Pintu Fitnah	201
5.2.6 Pertikaian Antara Sahabah Adalah Ijtihad	201
5.2.7 Keperluan Memahami Al-Quran Dan Al-Sunnah Sebelum Mengkaji Riwayat Sejarah	202
5.3. PENEMUAN-PENEMUAN KAJIAN	202
5.4. CADANGAN	203
BIBLIOGRAFI	205

JADUAL TRANSLITERASI

<u>Nama</u>	<u>Huruf `Arab</u>	<u>Transliterasi</u>
hamzah	ء	a/a'
bā'	ب	b
ta'	ت	t
tha'	ث	th
jīm	ج	j
hā'	ح	h
khā'	خ	kh
dāl	د	d
dhāl	ذ	dh
rā'	ر	r
Zai	ز	z
ṣīn	س	s
syīn	ش	sy
ṣād	ص	s
ḍād	ض	d
tā'	ط	t
ẓā'	ظ	z
`ayn	ع	`a
ghayn	غ	gh
fā'	ف	f
qāf	ق	q
kāf	ك	k
lām	ل	l
mīm	م	m
nūn	ن	n

wāw	و	w/u
hā'	ه	h
yā'	ي	i/y

Vokal Panjang

_____	=	a
_____	=	i
_____	=	u

SENARAI SINGKATAN

H	-	Hijrah
Ibid.	-	<i>Ibidem</i> bererti sama dengan rujukan yang disebut di atas.
Op. cit.	-	<i>Opere citato</i> bererti dalam sumber yang telah disebutkan
r.a.	-	رضى الله عنه bererti Allah meredhainya.
s.a.w.	-	صلى الله عليه وسلم bererti Allah bersalawat dan salam untuknya.

ABSTRAK

Tesis ini membahaskan tentang kemuliaan kedudukan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang dilihat pada timbangan al-Quran, al-Sunnah dan sebahagian riwayat-riwayat sejarah. Hasil dari perbandingan dari tiga sumber tersebut telah mendapati wujudnya pertentangan watak antara apa yang digambarkan oleh al-Quran dan al-Sunnah di satu pihak dengan sebahagian riwayat sejarah di satu pihak yang lain. Al-Quran dan al-Sunnah telah memberikan penilaian yang begitu tinggi terhadap para sahabat Nabi s.a.w. sementara sebahagian riwayat sejarah telah menggambarkan mereka dengan watak yang amat tidak bersesuaian dengan sifat-sifat yang dikurniakan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

Dengan mengambil *Tārīkh al-Ṭabariy*, yang merupakan rujukan terpenting dalam periwayatan sejarah Islam sebagai landasan, maka punca pertembungan watak tersebut telah dianalisa.

Bagi menjawab segala kekeliruan yang timbul mengenai isu-isu kontra yang berpunca dari pembunuhan Khalifah `Uthman bin `Affan r.a. sehingga mengheret para sahabat ke medan pertempuran sesama sendiri, maka peristiwa-peristiwa itu 'dijelaskan kembali berpandukan al-Quran, al-Sunnah al-Thabitah dan riwayat-riwayat sejarah yang boleh dipercayai ini. Di samping itu pandangan-pandangan ulama Ahl al-Sunnah juga dikemukakan.

Kesimpulannya, tesis ini telah menjelaskan bahawa para sahabat terus berada di atas kemurnian akhlak sesuai dengan apa yang digambarkan oleh al-Quran dan al-Sunnah mengenai mereka. Segala pertempuran yang tercetus sesama mereka bukanlah dari kehendak jiwa mereka sebaliknya adalah hasil dari ijtihad yang dibuat pada waktu yang gawat dalam menangani isu pembunuhan `Uthman r.a. yang dirancang oleh golongan munafiqin.

AL-ṢAHĀBAH: CONTRADICTIONS BETWEEN THE ISLAMIC TEXTS AND
HISTORICAL NARRATIVES

Abstract

This thesis discusses about the dignity of the companions of the Messenger of God (p.b.h) as seen in the light of al-Qur'an, al-Sunnah and historical annals. As a result of comparative study of the three said sources, there appears to exist conflicting character as portrayed in al-Qur'an and al-Sunnah on the one hand and some of the historical narratives on the other. Al-Qur'an and al-Sunnah have highly commended the conduct of the companions of the Prophet (p.b.h), while some of historical annals have depicted them as having such character which is most unsuitable to the conduct accorded by al-Qur'an and al-Sunnah.

This thesis is based on Tārīkh al-Ṭabariy which is very important source of reference in Islamic historical annals. By using this text, conflicting between the Islamic texts and the historical narratives has analysed.

In order to answer to all the confusion that have arisen pertaining to the contradictory issues emerging from the murder of Chaliph 'Uthman bin 'Affan thus leading other companions to civil war, the event involved were reexplained based on al-Qur'an, *al-Sunnah al-Thabitah* and

authentic historical accounts. Further, the opinions of the Sunni ulama are also presented.

In conclusion, this thesis explains that the companions steadfastly maintained their commendable character in line with the description given to them by al-Qur'an and al-Sunnah. The crises that arose among them were not of their own making, but rather the result of reasoning that came about during the troubled time, that is, in dealing with the issue of the killing of `Uthman r.a. as planned by the hypocrites.

BAB 1

1.0. PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Kedudukan para sahabat Rasulullah s.a.w. di sisi golongan Ahl al-Sunnah adalah sangat tinggi. Ketinggian kedudukan mereka adalah sesuatu yang tidak diizinkan oleh Ahl al-Sunnah untuk diganggu-gugat. Bagi Ahl al-Sunnah, tidak perlu sebarang keputusan dari sesiapa dalam menentukan 'adālah' (العدالة) iaitu keadilan sikap para sahabat kerana Allah dan Rasul telah membuat keputusannya memberikan darjat tersebut buat mereka.²

Bahkan Ahl al-Sunnah menghukum dengan hukuman yang sangat keras kepada sesiapa yang membenci para sahabat Rasulullah s.a.w.. Antaranya apa yang diriwayatkan daripada al-Imām Mālik bin Anas yang menghukum kafir golongan Syi'ah Rāfiḍah kerana membenci para sahabat Rasulullah dan pendapat ini dipersetujui oleh sebahagian para ulama³.

Kata Ibn al-Salah: "Sesungguhnya umat telah ijma' dalam memutuskan keadilan kesemua para sahabat Rasulullah, termasuk mereka yang terlibat dengan peristiwa fitnah pertembungan sesama sendiri)..seolah-olah Allah menentukan

Al-'Adālah telah diberikan ta'rif yang berbagai oleh para ulama'. Antaranya apa akan disebutkan di dalam bab yang akan datang.

Muhammad Muhammad Abu Zuhri, *Al-Hadīth wa al-Muhaddithūn* m.s. 131

Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-'Azīm*, jilid 4, m.s. 219

ijma' dalam perkara ini disebabkan mereka adalah penyampai syariat (daripada Nabi s.a.w.)⁴

Kata al-Ḥāfiẓ al-'Irāqiy pula: "Ijma' Ahl al-Ḥaqq (pendokong kebenaran) daripada kalangan umat Islam iaitu Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bahawa para sahabat kesemuanya adalah 'adil".⁵

Demikianlah pendirian Ahl al-Sunnah yang dipetik secara ringkas, sangat jelas menunjukkan betapa mereka mempertahankan kedudukan para sahabat di atas dasar ingin menyelaraskan sikap dengan nas yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah, juga memandangkan bahawa pentingnya dipertahankan para sahabat agar Islam yang datang melalui penyampaian yang dibuat oleh mereka tidak dipertikaikan. Kata Abu Zur'ah: "Apabila engkau melihat seseorang yang mencerca sesiapa daripada kalangan sahabat Rasulullah s.a.w. maka ketahuilah bahawa dia adalah zindiq (kafir yang pura-pura Islam). Ini kerana Rasul itu benar, al-Quran juga benar dan apa yang didatanginya adalah benar. Kesemua ini telah disampaikan kepada kita oleh para sahabat. Justeru itu mereka yang mempertikaikan para sahabat sebenarnya ingin mempertikaikan al-Quran dan al-Sunnah."⁶

Sebab itu adalah sukar untuk ditemui sebuah kitab Ahl al-Sunnah yang membahaskan tajuk-tajuk 'aqidah secara

⁴ al-Ṣalāh, *Ulūm al-Ḥadīth*, m.s. 290

⁵ al-Ḥāfiẓ al-'Irāqiy, *Al-Ta'yīd wa al-Iḍāh*, m.s. 287

⁶ al-Ḥajar al-'Asqalāniy, *Al-Iṣābah Fi Tamyīz al-Ṣahābah*, jilid 1, m.s. 7

mendalam dan terperinci tetapi meninggalkan tajuk yang menyentuh pendirian Ahl al-Sunnah terhadap para sahabat Rasulullah s.a.w.

Justeru itu, dapat diketahui betapa pentingnya nilai para sahabat ini difahami oleh setiap individu yang mengaku dia sebagai pemegang ajaran Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah.

1.2. Permasalahan

Walaupun kedudukan para sahabat begitu tinggi dalam kacamata al-Quran dan al-Sunnah, namun suatu perasaan yang terhimpit serta tertekan akan timbul apabila membaca riwayat-riwayat yang mengisahkan perihal para sahabat yang dicatatkan di dalam penulisan sejarah. Para sahabat kadangkala digambarkan hanya selari dengan al-Quran dan al-Sunnah semasa hayat Rasulullah s.a.w sahaja. Selepas kewafatan baginda, kononnya mulalah timbul sikap rakus dan tamakkan kuasa sehingga sanggup bertumpah darah semata-mata kerana dunia. Watak yang amat tidak seiras antara pendirian Islam yang bertunjangkan al-Quran dan al-Sunnah, dan riwayat-riwayat sejarah yang termuat di dalam buku-buku sejarah yang kebanyakan bersumberkan dari *Tārīkh al-Umam Wa al-Mulūk* atau dikenali dengan *Tārīkh al-Tabariy* boleh menyebabkan timbulnya keingkarannya perasaan terhadap pernyataan al-Quran dan al-Sunnah.

Mengapakah pertembungan yang sebegini boleh timbul? Mana satukah sumber yang telah membohongi kita? Adalah

sesuatu yang merosakkan 'aqidah andainya beranggapan bahawa al-Quran dan al-Sunnah telah membohongi fakta. Apakah masuk akal untuk dinyatakan bahawa Allah dan RasulNya telah menjamin para sahabah namun jaminan itu tidak terbukti di alam kenyataan?. Dengan ini sekaligus menafikan ilmu Allah lalu mengeluarkan seseorang dari daerah Iman dan Islam.

Namun permasalahannya, riwayat sejarah yang dibaca secara terang dan jelas menceritakan kisah-kisah buruk para sahabah seperti kelemahan pemerintahan 'Uthman, peristiwa 'Uthman dibunuh, perang Jamal, perang Siffin, peristiwa Tahkim dan berbagai-bagai lagi.

Sebenarnya, kesemua kekeliruan ini secara umum akan dapat dirongkaikan sekiranya dilalui dua kaedah utama. Pertama; meletakkan al-Quran dan hadith-hadith yang *thābit* sebagai sumber tertinggi seperti yang dilakukan oleh ulama *muhaddithin* dalam mengkritik matan hadith iaitu mereka tidak menerima mana-mana riwayat yang bertentangan secara jelas dengan al-Quran serta tidak dapat ditakwil lagi.⁷ Kedua; menyemak kedudukan para rawi yang membawa riwayat-riwayat tersebut. Siapa dia? Bagaimanakah kedudukannya di sisi ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Ini adalah kaedah al-Quran seperti yang digariskan di dalam surah al-Hujurāt ayat 6 yang menuntut agar disemak latarbelakang pembawa berita keburukan orang lain atau dengan kata lain mengkaji sanad. Ini adalah teras utama dalam disiplin ilmu hadith. "Sanad adalah keistimewaan umat Islam yang tidak ada pada umat-

⁷ Mustafā al-Sibā'iy, *Al-Sunnah wa Makānatuhā fi al-Islām*, m.s. 99

umat sebelum ini. Disebabkan tidak adanya disiplin dalam mengkaji *sanad* maka kitab-kitab serta kisah-kisah para anbiya' mereka diubah oleh para pendusta dan dajjal".⁸

Malangnya, di tanahair ini khasnya dan di dunia Islam amnya *manhaj* (metodologi) berkenaan jarang dipakai atau diteliti para penulis dalam mengambil atau menulis kisah-kisah para sahabah dalam penulisan mereka. Ini disebabkan kebanyakan mereka terpengaruh dengan gaya penulisan orientalis yang menceduk apa yang sampai kepada mereka tanpa suatu disiplin penapisan. Natiujahnya, tersebarlah di dalam buku-buku sejarah kisah-kisah yang tidak dipastikan secara ilmiah tentang kelemahan pemerintahan `Uthman, keburukan `Aisyah, Talḥah, al-Zubair, `Amr bin al-`Āṣ, Mu`āwiyah dan lain-lain yang terlibat dalam pertempuran sesama sendiri. Nilai para sahabah menjadi rendah. Sekaligus memberi ruang kepada golongan Syi`ah untuk menyerang Ahl al-Sunnah menerusi benteng para sahabah di mana pengetahuan dan kajian kita mengenai hakikat yang sebenar tentang mereka tidak dikemaskinikan.

1.3 Signifikan Masalah

Seperti kebanyakan para pembaca yang membaca penulisan sejarah para sahabah yang ada dalam sukatan pendidikan sekolah, perpustakaan dan maklumat yang tersebar secara meluas di tanahair maka berbagai persoalan akan timbul dalam pemikiran, demikian juga keadaan penulis. Di

⁸Mahmūd al-Ṭabḥān, *Usūl al-Takhrīj wa Dirāsāt al-Asānid*, m.s. 139

samping itu, pemerhatian penulis terhadap suasana semasa mengenai aliran pemikiran Syi'ah yang disebarikan ke dalam masyarakat tempatan yang banyak menyentuh isu-isu yang kontra mengenai para sahabat juga menjadikan penulis begitu terpanggil untuk membuat kajian mengenai tajuk ini dengan lebih ilmiah. Pertikaian yang dihadapi oleh Syi'ah terhadap Ahl al-Sunnah secara keseluruhannya adalah menerusi benteng para sahabat. Tuntutan jiwa yang mendesak agar satu kajian yang lebih ilmiah dikemukakan bagi melihat isu-isu ini dengan berteraskan sumber yang tepat dan dipercayai.

Apabila penulis diberi kesempatan untuk melanjutkan pelajaran di Jordan maka ruang kajian kepada persoalan ini mula terbuka luas. Ini apabila penulis mula mengenali disiplin-disiplin ilmu di dalam Islam. Paling penting ialah disiplin ilmu hadith. Menerusi pembelajaran, pembacaan serta kajian tambahan penulis mula dapat menemui manhaj (metodologi) kajian yang melapangkan dada dan meluruskan sikap.

Dari situ, timbullah tuntutan ilmu dalam diri penulis untuk mengengahkan suatu kajian yang ilmiah dalam mencari hakikat sebenar mengenai pertelingkahan para sahabat dan isu-isu yang berlaku di sekitarnya.

1.4.Objektif Kajian

Berdasarkan apa yang telah dijelaskan di atas maka objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Melihat sejauh mana kebenaran pegangan Ahl al-Sunnah apabila mereka berkeputusan untuk berbaik sangka terhadap seluruh para sahabah dalam setiap krisis yang berlaku adalah bertunjangkan al-Quran dan al-Sunnah.

2. Mengkaji mengapa boleh berlakunya pertembungan antara Islam yang bertunjangkan al-Quran dan al-Sunnah dan sebahagian riwayat-riwayat sejarah yang ada.

3. Memperkenalkan disiplin ilmu dalam menapis semula riwayat-riwayat sejarah yang bersangkutan dengan peristiwa fitnah yang melanda sahabah.

4. Mengajak agar pengajaran dan pengajian sejarah Islam yang menyentuh kisah-kisah para sahabah Nabi s.a.w. dilandaskan kepada kenyataan Allah dan RasulNya.

5. Memberikan maklumat yang tepat dan ilmiah mengenai riwayat-riwayat kontra yang berkaitan dengan para sahabah demi menolak penyebaran

maklumat yang tidak berteraskan disiplin ilmu yang kukuh

6. Menggambarkan kepada para pengkaji ilmu-ilmu Islam tentang kepentingan manhaj (metodologi) ilmu yang digariskan oleh para ulama hadith.

1.5. Ruang Lingkup Kajian

Secara umumnya kajian ini akan cuba merumuskan pendirian Islam yang begitu jelas dalam meletakkan para sahabat di suatu martabat yang tinggi. Kajian ini juga akan cuba menyelidiki punca terbitnya berita-berita buruk mengenai para sahabat Nabi s.a.w. serta bagaimanakah kaedah yang betul dalam mengkaji dan merumus sejarah para sahabat.

Maksud utama tesis ini ialah untuk mengemukakan sesuatu yang menepati tuntutan ilmu di dalam Islam mengenai semua peristiwa kontra yang berlaku yang melibatkan nama baik para sahabat. Justeru itu, suatu kaedah yang jelas akan cuba diterapkan dalam memasuki alam kajian kisah-kisah para sahabat. Namun, oleh kerana isu-isu yang bersangkutan itu agak banyak, maka tumpuan dalam menjawab semula isu-isu tersebut hanya diberikan kepada bermulanya detik fitnah yang terbesar dalam kisah para sahabat iaitu peristiwa pembunuhan Khalifah 'Uthmān r.a. Selepas itu diikuti dengan peristiwa-peristiwa yang bersangkutan dengannya iaitu perang Jamal dan Siffin. Setiap kejadian yang tercetus akan

cuba dijelaskan dengan merujuk kepada sumber rujukan Islam serta berpandukan disiplin yang digariskan. Di samping itu penulis akan cuba menyemak pendirian al-Quran atau al-Sunnah terhadap kejadian-kejadian tersebut. Penulis juga tidak lupa menyebut keputusan para ulama terhadap kedudukan setiap riwayat hadith.

Namun penulis tidak akan memperincikan setiap peristiwa dalam tesis ini kerana bukan menjadi hasrat penulis untuk tesis ini dijadikan buku sejarah, tetapi sekadar untuk mengajak para pengkaji memahami kaedah kajian serta kembali melihat kejadian-kejadian tersebut di sudut pandangan yang betul. Dengan itu hasrat penulis untuk membuktikan betapa Ahl al-Sunnah telah berada di atas suatu garisan yang tepat dalam menentukan pendirian mereka terhadap para sahabah akan tercapai **إن شاء الله**.

Di samping itu wajar diketahui bahawa percanggahan fakta yang dikaji di dalam tesis ini hanyalah melibatkan nas-nas Islam yang diwakili oleh al-Quran dan al-Sunnah dengan riwayat-riwayat sejarah, tanpa mengkaji percanggahan yang wujud antara sesama riwayat-riwayat hadith. Sekalipun perkara tersebut berlaku dan perlukan penyelesaian tetapi ianya suatu tajuk khas yang besar yang tidak boleh dijadikan fokus sampingan.